

## BAB 1 : KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

### BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

#### Ciri-ciri umum Sistem Birokrasi Barat Di Asia Tenggara

- 1 Sistem Birokrasi Barat diperkenalkan untuk menggantikan sistem pemerintahan **beraja**.
- 2 Ciri pertama ialah penubuhan kerajaan **pusat** hasil penyatuan wilayah-wilayah di tanah jajahan.
- 3 Ketua pentadbir di tanah jajahan ialah **Gabenor Jeneral**.
- 4 Pentadbiran dilaksanakan melalui **biro @ jabatan**.
- 5 Ciri keempat ialah pelantikan **pegawai Barat** sebagai ketua.
- 6 Ciri kelima ialah pengenalan **undang-undang Barat**

#### Perubahan Sistem Politik di Filipina

- 1 Sistem pentadbiran **berpusat** diperkenalkan di Filipina.
- 2 Pemerintah tertinggi di bawah kuasa **Gabenor Jeneral**.
- 3 Pentadbiran tempatan dilaksana di bawah sistem **Encomeinda**.
- 4 Encomeindero bertugas **menjaga keamanan ,mengutip cukai**, dan mengkristiankan penduduk barangay.
- 5 Sistem ini dibenci oleh penduduk kerana mengenakan **cukai yang tinggi** dan kerahan tenaga
- 6 Ciri kelima ialah pengenalan **undang-undang Barat**

#### Ciri-ciri Nasionalisme Tahap Pertama

- 1 Penentangan **secara terbuka** tetapi bersifat setempat
- 2 Penentangan **tidak berorganisasi**
- 3 Isu –isu ialah kebudayaan /agama/ **hak pribumi dikembalikan**.
- 4 Dipimpin oleh **golongan pertengahan** berpendidikan Barat @n Asia Barat.
- 5 Menekan **kesedaran** politik.
- 6 Menuntut hak-hak **dikembalikan**.
- 7 Menuntut **taraf hidup** mereka dibaiki.
- 8 Tidak meminta **kemerdekaan** dengan segera.

#### Ciri-ciri Nasionalisme Tahap Kedua

- 1 Gerakan nasionalisme **lebih radikal** dan berorganisasi.
- 2 Pemimpinnya golongan berpendidikan serta berpengetahuan luas dalam bidang **kebudayaan** dan **ilmu pengetahuan barat**.
- 3 Matlamat perjuangan ialah **menuntut kemerdekaan** dan membentuk kerajaan sendiri.


## Perkembangan Nasionalisme di Indonesia

- 1 Tumpuan diberi kepada isu pendidikan.
- 2 Raden Adjeng Kartini berusaha memaju pendidikan kaum wanita
- 3 Karyanya Habis Gelap Terbitlah Terang dan Penulisan seorang Puteri Jawa.
- 4 Pertubuhan Muhammadiyah bertujuan menyebar Islam yang sebenarnya menghindari ancaman sekularisme Barat serta agama kristian.
- 5 Tahap kedua perjuangan parti politik radikal seperti Sarekat Islam , Parti komunis Indonesia dan Parti Nasional Indonesia.
- 6 Parti Nasional Indonesia , pemimpinnya Soekarno ditangkap dan PNI diharamkan.

## BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

### Perkembangan nasionalisme

Soalan 1



a) Senaraikan **dua** ciri gerakan nasionalisme tahap pertama

- F1 Penentangan secara terbuka
- F2 Bersifat setempat
- F3 Tidak mempunyai organisasi
- F4 Tertumpu kepada isu budaya, agama dan hak pribumi.
- F5 Mengutamakan kesedaran politik.
- F6 Tidak menuntut kemerdekaan dengan segera.

( 2 markah)

b) Nyatakan tuntutan gerakan nasionalisme tahap pertama di negara berikut :

#### Filipina

- F1 Bangsa Filipina diberi hak sama seperti bangsa Sepanyol
- F2 Bangsa Filipina diberi kebebasan bersuara.

#### Indonesia

- F1 Isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat.

**Indochina**

F1 Memperjuangkan pemulihan system beraja

F2 Memperjuangkan pendidikan Barat dikalangan rakyat.

( 3 markah)

c) Berikan **dua** matlamat perjuangan nasionalisme tahap kedua.

F1 Menuntut kemerdekaan

F2 Membentuk kerajaan berdaulat

( 2 markah)

d) Namakan **dua** golongan yang terlibat dalam gerakan nasionalisme di Burma

F1 Golongan sami Buddha

F2 Golongan Elit berpendidikan Barat

Golongan Thakin (siswazah universiti)

( 2 markah)

e) Nyatakan nilai yang patut dicontohi oleh generasi muda hari ini daripada perjuangan para nasionalis

F1 Semangat juang yang kental

F2 Keberanian

F3 Pengorbanan yang tinggi

Mana-mana jawapan yang munasabah

( 1 markah)

## **BAHAGIAN C : SOALAN ESEI**

Soalan 1



- (a) Berikan enam ciri gerakan nasionalisme tahap pertama di Asia Tenggara ( 6 markah)
- (b) Mengapakah perjuangan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara bersifat radikal ? ( 6 markah)
- (c) Walaupun Thailand tidak pernah dijajah oleh kuasa Barat, namun gerakan nasionalisme turut berlaku di negara tersebut. Jelaskan pernyataan berikut berdasarkan pengetahuan sejarah anda. ( 8 markah)

### **Peraturan Pemarkahan**

#### a) **Berikan enam ciri gerakan nasionalisme Tahap pertama di Asia Tenggara**

F 1	Penentangan secara terbuka , tetapi bersifat setempat	1
F2	Penentangan tidak berorganisasi	1
F3	Isu-isu kebudayaan /agama/hak pribumi menjadi faktor pencetus	1
F4	Dipimpin golongan pertengahan berpendidikan barat / Asia Barat	1
F5	Menekankan kesedaran politik	1
F6	Menuntut hak-hak dikembalikan	1
F7	Menuntut taraf hidup mereka dibaiki	1
F8	Tidak meminta kemerdekaan dengan segera	1

( Mak 6 markah )

**b) Mengapakah perjuangan gerakan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara bersifat radikal ?**

F 1	Kegagalan gerakan tahap pertama	1
H1a	Tahap pertama bersifat sederhana dan gagal mencapai matlamat	1
F2	Gerakan tahap kedua berorganisasi	1
F3	Dipimpin oleh golongan berpendidikan	1
H3a	Mereka berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan dan ilmu pendidikan barat	1
H3b	Mereka menyedari perubahan yang diperkenalkan penjajah dan kesan terhadap bangsa dan negara	1
F4	Matlamat perjuangan lebih jelas	1
H4a	Menuntut kemerdekaan	1
H4b	Membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat	1


( Mak 6 markah)

**C ) Walaupun Thailand tidak pernah dijajah oleh kuasa Barat, namun gerakan nasionalisme turut berlaku di negara tersebut. Jelaskan pernyataan tersebut berdasarkan pengetahuan sejarah anda.**

F 1	Merupakan kegelisahan rakyat Thailand terhadap penguasaan politik kerabat diraja	1
F2	Merupakan penentangan terhadap raja berkuasa mutlak	1
F3	Perkembangan sistem pendidikan barat	1
H3a	Memberi pendedahan kepada intelek Thailand terhadap fahaman liberal , sistem demokrasi, dan sistem raja berperlembagaan	1
F4	Kelemahan sistem pentadbiran	1
H4a	Rakyat tidak berpuas hati dengan sikap boros Raja Vajiravudh	1
F5	Penubuhan Parti Rakyat 1932	1
H5a	Berlaku Revolusi Thai pimpinan Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songgram	1
H5b	Menamatkan sistem raja berkuasa mutlak	1

( Mak 8 markah )

**BAHAGIAN D : SOALAN OBJEKTIF**



- 1 Ciri-ciri sistem pentadbiran baru yang dilaksanakan oleh penjajah di atas ialah
- I Pembentukan kerajaan pusat
  - II Pembesar tempatan di lantik mengetuai biro
  - III Pengenalan dalam sistem pendidikan moden
  - IV Pengenalan dalam sistem pendidikan Barat
- A I dan II  
**B I dan IV**  
C II dan III  
D III dan IV

**JAWAPAN : B**

Negara	Gelaran
Indonesia	Bupati
Vietnam	Mandarin
Burma	Ahti

- 2 Apakah persamaan golongan di atas ?
- A Ahli Majlis Rakyat  
**B Pembesar Tempatan**  
C Penasihat kepada Raja  
D Ahli Majlis Perundangan

**JAWAPAN: B**

- 3 Apakah persamaan yang terdapat dalam gerakan nasionalisme di Negara-negara Asia Tenggara sebelum Perang Dunia Kedua ?
- I Disebar melalui media cetak
  - II Menuntut kemerdekaan negara
  - III Mendapatkan sokongan golongan istana
  - IV Dipimpin oleh golongan berpendidikan
- A I dan II  
**B I dan IV**  
C II dan III  
D III dan IV

**JAWAPAN: B**

- 4 Apakah matlamat akhir yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis di Asia Tenggara pada tahap pertama ?

- A **Memperjuangkan nasib bangsa**  
B Menyatukan nasionalis tempatan  
C Membentuk kerajaan yang berdaulat  
D Menghalang kemasukan pelabur asing

JAWAPAN : A

- 5 Apakah persamaan yang terdapat pada gerakan nasionalisme tahap pertama yang berkembang di Asia Tenggara ?

- I Perjuangan bersifat radikal  
II Penentangan secara terbuka  
III Penentangan lebih bersifat setempat  
IV Pembentukan organisasi yang tersusun  
A I dan II  
B I dan IV  
**C II dan III**  
D III dan IV

JAWAPAN : C

**Golongan nasionalis pada tahap kedua di Asia Tenggara dianggap mempunyai matlamat yang lebih jelas**

- 6 Apakah hujah yang sesuai untuk menyokong pandangan di atas ?

- A **Mereka telah menuntut kemerdekaan mutlak**  
B Mereka enggan bekerjasama dengan penjajah  
C Mereka memulaukan sistem pendidikan Barat  
D Mereka menuntut penjajah mengembalikan kuasa raja

JAWAPAN: A

- **Habis Gelap Terbitlah Terang**
- **Penulisan Seorang Puteri Jawa**

- 7 Apakah isu yang cuba di ketengahkan oleh Raden Adjeng Kartini melalui penulisan novel tersebut di Jawa ?

- A Kesengsaraan petani Jawa  
B Kemunduran kaum wanita

- C Perkembangan bidang pendidikan**
- D Perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu

**JAWAPAN : C**

- 8 Karya berikut dihasilkan di Asia Tenggara sebelum Perang Dunia Kedua

**Noli Me Tenggere , Putera Gunung Tahan , Kerikil-kerikil Tajam**

Apakah mesej yang ingin disampaikan dalam karya tersebut ?

- A Kemerdekaan tanah air
- B Kedudukan kaum wanita
- C Kesengsaraan rakyat tempatan**
- D Kepentingan menuntut ilmu pengetahuan

**JAWAPAN : C**